

09 MAR 2000

Mahathir-Abdurrahman

M'SIA DAN INDONESIA SEPAKAT HADAPI GEJALA GLOBALISASI

Oleh: Syed Jamil Jaafar

JAKARTA, 9 Mac (Bernama) -- Malaysia dan Indonesia bersetuju untuk mengadakan perbincangan berterusan agar dapat merumus pendirian bersama tentang globalisasi.

Persetujuan itu dicapai oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Presiden Abdurrahman Wahid dalam pertemuan mereka di Istana Merdeka di sini hari ini.

Bercakap pada sidang media bersama selepas pertemuan itu, Dr Mahathir berkata perbincangan mereka antara lain mencakupi kesan-kesan globalisasi terhadap negara-negara membangun seperti Malaysia dan Indonesia.

"Kami bersetuju supaya rundingan diadakan antara kedua-dua negara agar dapat mencapai satu pendirian bersama yang boleh diketengahkan pada forum-forum antarabangsa," kata Dr Mahathir.

Perdana Menteri merupakan seorang pemimpin dunia ketiga yang sering menyuarakan kebimbangan kesan-kesan negatif globalisasi ke atas negara-negara membangun dan perlunya mereka diberi peluang membuat definisi tersendiri tentang globalisasi.

Malaysia dan Indonesia misalnya baru saja mengharungi krisis ekonomi yang meruncing dan apabila ditanya apakah pengajaran daripada pengalaman itu beliau berkata: "The world is not a very friendly place (Dunia bukan satu tempat yang amat mesra)."

Perbincangan Dr Mahathir dan Abdurrahman yang disusuli dengan mesyuarat delegasi penuh kedua-dua pihak juga menyentuh pelbagai perkara termasuk:

\*

meningkatkan pelaburan Malaysia di Indonesia sebagai penyertaan dalam proses pemulihan ekonomi negara ini;

\*

penambahan hak pendaratan bagi MAS ke negara ini dan juga kerjasama MAS dan Garuda dalam usaha "code sharing";

\*

peningkatan pelayaran kapal antara pelabuhan Tanjung Periok di sini dengan Pelabuhan Klang;

\*

kerjasama bagi mewujudkan pusat kewangan di Brunei Darussalam yang melibatkan negara itu, Malaysia dan Indonesia; dan

\*

meninjau kemungkinan kerjasama bagi mewujudkan jalan daratan ke Indonesia menerusi Brunei.

Dr Mahathir juga berkata Indonesia berminat berkongsi pengalaman Malaysia dalam membasmi kemiskinan dan pengagihan kekayaan yang lebih adil di kalangan rakyat.

Perdana Menteri yang tiba di sini pagi tadi untuk lawatan singkat, berkata dasar luar Malaysia memberi keutamaan kepada hubungan rapat Malaysia dengan Indonesia dan ini tetap tidak dibelakangkan sekalipun berlaku perubahan kerajaan negara ini.

"Bagi Malaysia hubungan rapat dengan Indonesia amat penting," kata Dr Mahathir.

Abdurrahman berkata Indonesia berminat untuk mempelajari dari Malaysia yang telah berjaya mengelak daripada bergantung kepada bantuan badan-badan antarabangsa dalam menangani krisis ekonomi.

Beliau juga berkata kerajaannya ingin berkongsi pengalaman dengan Malaysia yang melaksanakan Dasar Ekonomi Baru selama 20 tahun yang berjaya

dalam menentukan pembangunan ekonomi yang lebih saksama.

Mengenai masalah jerebu, yang dikhuatiri berlaku lagi ekoran kebakaran hutan di Sumatera sekarang sehingga menjejaskan negara-negara jiran, Abdurrahman berkata kabinetnya telah membincangkan soal ini pada mesyuarat lepas dan langkah-langkah tegas sedang diambil untuk menangani masalah itu.

-- BERNAMA

SJ RON